

S: Apakah antara perubahan yang dilakukan terhadap PTAR yang sebelum ini beroperasi secara konvensional kepada perpustakaan Generasi Y?

J: Saya percaya penyediaan kemudahan pembelajaran berkualiti untuk pelajar dan warga universiti penting kerana ini menjadi wadah melahirkan modal insan berpengetahuan, kreatif, inovatif dan berdaya saing.

Peningkatan kualiti prasarana perpustakaan sudah dimulakan sejak beberapa tahun lalu membabitkan penambahbaikan menyeluruh merangkumi aspek persekitaran dan kemudahan yang ditawarkan di perpustakaan bagi memenuhi kehendak semasa.

PTAR 1 beroperasi 24 jam setiap hari sejak Mac lalu kecuali cuti umum, Sabtu dan Ahad seperti yang dihasratkan Naib Canselor UiTM, Prof Dr Sahol Hamid Abu Bakar. Beliau mahu PTAR menjalankan perkhidmatan yang mampu memberi kesan kepada gaya dan budaya pembelajaran pelajar di UiTM.

Perpustakaan induk dan Perpustakaan Kejuruteraan di Shah Alam beroperasi 24 jam manakala Perpustakaan Undang-undang, Perpustakaan Sains dan Teknologi serta Perpustakaan Alam Bina dibuka sehingga jam 12 malam.

Penyediaan mesin 'Book Drop' yang membolehkan pelanggan memulangkan buku pada sebarang masa juga memudahkan pengguna. Selain itu, kami juga membuat penghantaran dari pintu ke pintu pejabat untuk kakitangan.

Perkhidmatan terbaru yang diperkenalkan ialah pembaruan peminjaman buku dalam talian sepanjang masa bagi membolehkan peminjam menggunakan buku diperlukan dalam tempoh lebih panjang tanpa perlu ke perpustakaan untuk memperbaharui rekod peminjaman.

Selain perkhidmatan peminjaman buku yang ditambah baik, ruang pembelajaran di PTAR juga diberi suntikan baru yang menjaminkan kesesuaian pengguna seperti ruang santai di aras empat PTAR 1 yang diberi nama 'Learning Commons'. Ruang ini berkonsepkan pem-

Perpustakaan nadi universiti

belajaran secara terbuka yang memberi peluang pengguna berinteraksi dan mengadakan perbincangan berkumpulan dalam suasana kondusif.

Di Learning Commons, pengguna juga boleh mengadakan tutorial di ruang yang dilengkapi televisyen plasma, kemudahan Internet tanpa wayar serta peralatan media lain.

Learning Commons di PTAR 1 ditutupi dengan cermin supaya suara pengguna membuat perbincangan tidak kedengaran pada aras lain seperti perpustakaan biasa yang senyap.

Sejak beroperasi, ruang ini mendapat tumpuan utama di PTAR 1 dan menjadi tempat rebutan pengguna seterusnya meningkatkan kunjungan ke perpustakaan.

S: Selepas mengalami transformasi besar-besaran adakah pengunjin PTAR bertambah dengan mendedak atau pada kadar biasa saja?

J: Kami mengambil kira trend kunjungan semasa yang menggunakan teknologi terkini, bahan dalam bentuk elektronik mahupun digital kerana pengunjin PTAR bukan saja terdiri daripada warga kampus UiTM malah pengguna antarabangsa yang berkunjung secara maya menggunakan bahan digital.

Lebih membanggakan, perkhidmatan perpustakaan kami turut mendapat perhatian dan menjadi penanda aras perpustakaan lain dari dalam dan luar negara termasuk Indonesia, China dan Jerman.

Setakat Ogos tahun ini 593,377 pengguna antarabangsa melayari portal PTAR manakala pengunjin secara fizikal ke PTAR pula meningkat 10.3 peratus atau 27,933

orang berbanding tahun sebelumnya.

Selain warga UiTM dan pengguna di Malaysia, portal kami turut dikunjungi lebih 100 negara luar dan Amerika Syarikat (AS), Kanada, Iran, Indonesia dan India. Sehingga bulan lalu pengunjin AS saja mencatatkan 214,980 hit bermula awal tahun ini, diikuti Kanada 52,604; Iran 38,615; Indonesia 36,477 dan India 30,129.

S: Selepas prestasi cemerlang ditunjukkan warga kerja PTAR, apakah antara pencapaian atau pengiktirafan yang pernah diterima?

J: Kecemerlangan warga PTAR bukan saja mendapat pengiktirafan di Malaysia, malah di luar negara apabila meraih beberapa anugerah termasuk 'Emerald Higest

Kebanyakan pelajar institusi pengajian tinggi kini adalah Generasi Y. Keperluan dan kehendak mereka berbeza dalam banyak aspek termasuk penggunaan perpustakaan. Ketua Pustakawan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Noor Hidayat Adnan berkongsi pengalaman bagaimana universiti itu melakukan transformasi terhadap Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) mengikut cita rasa Generasi Y dengan wartawan Varsiti, BASIR ZAHROM.



Usage' dan lima anugerah yang dimenangi pada beberapa konvensyen antarabangsa menerusi projek inovasi kaitangan kami.

Pihak Emerald melaporkan UiTM adalah universiti yang menerima jumlah bilangan muat turun dokumen paling banyak di dunia. Akses Pangkalan Data Emerald Management Xtra Emerald Record lima tahun berturut-turut bermula 2007.

Faktor penyumbang kejayaan ini adalah hasil daripada promosi perkhidmatan di portal PTAR, Facebook, blog jabatan, kelas kemahiran maklumat, latihan pangkalan data dan hari mesra pelanggan.

Kejayaan menerusi inovasi

pula membabitkan Kumpulan Inovasi dan Kreatif PTAR yang ditubuhkan bagi penambahbaikan proses perkhidmatan. Kumpulan ini pernah meraih anugerah gangsa di Pameran Inovasi Antarabangsa ke-36 di Geneva pada 2008 menerusi projek Heavy Duty Castor Wheel; Anugerah Emas di Pesta Inovasi Antarabangsa Seoul pada tahun sama melalui projek Sistem Maklumat Makmal Komputer.

Pada 2009, Anugerah Gangsa dan Perak dimenangi pada Pameran Inovasi Antarabangsa Geneva ke-37 serta Pertunjukan Inovasi British menerusi projek MyFlexi Locker dan Pengacau Kendiri dalam Perpustakaan yang turut memenangi Perak di Konvensyen QCC di Hyderabad, India pada 2010.

Di peringkat kebangsaan pula PTAR pernah memperoleh Anugerah Perpustakaan Cemerlang diberikan Persatuan Pustakawan Malaysia bagi kategori perpustakaan besar dua tahun lalu.

S: Adakah PTAR menambah koleksi bacaannya bagi memberi galakan pelanggan membaca seterusnya menarik lebih ramai pengunjin ke perpustakaan?

J: Koleksi bacaan bermutu menjadi nadi penyampai-

an perpustakaan. Pembangunan koleksi PTAR harus bergerak seiring dengan keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti.

Setiap tahun sebahagian besar bajet diperuntukkan untuk pembangunan koleksi yang terbahagi kepada beberapa kategori iaitu perolehan melalui pembelian dan langganan, hadiah dan pertukaran serta koleksi harta intelek UiTM.

Pelbagai format bahan disediakan sama ada bercetak atau elektronik yang dapat memenuhi kehendak dan keperluan semua lapisan warga universiti seiring dengan perkembangan maklumat dan teknologi maklumat global.

Sehingga bulan lalu, PTAR mempunyai 507,632 judul bahan bercetak/bukan bercetak/jurnal berjilid yang dikeluarkan dalam 1.3 juta naskah; 24,014 E-book (27,845 naskah); 78 pangkalan data dalam talian; 4,583 jurnal/majalah bercetak (5,522 naskah); tujuh judul E-jurnal; 57 judul jurnal terbitan UiTM (fakulti) dan 640 jurnal/buletin.

Pembangunan koleksi tidak hanya tertumpu kepada bahan yang dibeli dan dilanggan saja, pengumpulan harta intelek UiTM sudah mula dikumpulkan untuk tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan supaya boleh dijadikan bahan rujukan warga universiti pada masa akan datang.

Satu platform terbuka dibangunkan dengan kepakaran dalaman PTAR sejak Jun 2010 yang memuatkan tesis serta laporan penyelidikan dalam warga UiTM. Ini boleh diakses menerusi laman ePrint, <http://eprint.ptar.uitm.edu>.

Selain itu, PTAR juga mempunyai Koleksi Khusus yang menjadi kebitaraannya. Bahan yang disimpan dalam pelbagai format termasuk buku, jurnal, laporan dan bahan yang tidak diterbitkan seperti artikel, risalah, ucapan utama dan laporan keusahawanan.

Koleksi Khusus terbahagi kepada lima kategori iaitu koleksi bahan harta intelek UiTM, koleksi halal; koleksi seni lukis dan seni raga; koleksi seni bina, perancangan dan ukur serta koleksi pengajian maklumat.

Di ruang Koleksi Khusus juga terdapat satu rak buku import yang berharga mencecah puluhan ribu ringgit. Pengguna yang mahu menggunakan semua bahan yang terdapat dalam bilik itu hanya diberi masa selama dua jam manakala bahan tidak boleh dibawa keluar.

Jika ada halaman bahan bacaan yang perlu fotostat, ruang itu menyediakan mesin fotostat bagi mengelakkan bahan dibawa keluar pelanggan.



RUANG belajar berkumpul di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM.

(FOTO: ADI SAFRI/BH)